

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JUNE 2017

Kenyataan Dr Mahathir tak kenal DoJ hanya penafian

BH-21/6/2017
Pg. 6

➔ Dua orang kanan bekas PM secara terbuka pernah maklum pergi ke AS lapor hal berkaitan 1MDB

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

► Padang Terap

Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak mengenali pihak Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) yang memfailkan saman sivil terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB), hanya penafian semata-mata.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata beliau berasa pelik dengan kenyataan itu sedangkan bekas Perdana Menteri berkenaan sudah pasti mengetahuinya kerana ia membabitkan dua orang kanannya.

Katanya, bekas Naib Ketua Bahagian UMNO Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan peguam, Matthias Chang Wen Chieh secara terbuka memaklumkan pergi ke AS untuk melaporkan hal berkaitan 1MDB.

“Khairuddin dan Matthias adalah orang kanan Mahathir. Apabila kedua-dua mereka pergi (ke AS),

maka Mahathir (secara tidak langsung) pun pi (pergi) atau mengetahuinya.

Beri kesan buruk kepada BN

“Saya melihat ada kumpulan dalam negara ini mahu jatuhkan kredibiliti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sekali gus memberi kesan buruk kepada Barisan Nasional (BN) dan UMNO pada pilihan raya umum (PRU) akan datang,” katanya ditemui pada majlis sambutan Ramadan kepada 3,200 orang membabitkan 143 kampung sekitar daerah Padang Terap di Baitunnur di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mendakwa tidak pernah berjumpa dengan mana-mana pegawai AS berhubung saman sivil itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said meminta rakyat supaya tidak panik atau kelam kabut dengan isu saman sivil DoJ terhadap 1MDB.

Katanya, terpulang kepada DoJ

untuk mengemukakan tindakan sivil membabitkan aset yang didakwa ada hubungan kait 1MDB dengan negara itu.

Tak akan tunduk arahan luar

“Bagaimanapun, Malaysia tidak akan sesekali ‘tunduk’ kepada arahan negara lain selain akan menjalankan siasatan mengikut undang-undang negara ini.

“Kita ada cara kita, Malaysia mempunyai sistem Parlimen dan mahkamah selain peguam negara,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Bantuan Guaman Malaysia 2017 anjuran Jabatan Bantuan Guaman (JBG) di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) di Bangi, semalam.

Azalina berkata beliau terkilan apabila AS mengeluarkan kenyataan, tanpa usul periksa rakyat Malaysia terus kelam kabut dan percaya.

Katanya, keutamaan kerajaan Malaysia ketika ini ialah kes tuntutan Pulau Batu Putih di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).